

Kolaborasi dengan 99 SpeedMart inisiatif UMS perluas program Food Bank Siswa

UB 22-8-2019 B2

KOTA KINABALU: Program Food Bank Siswa UMS yang telah dilancarkan pada 18 Mei lalu diperluaskan lagi dengan kolaborasi bersama syarikat 99 SpeedMart (East Malaysia) Sdn Bhd sebagai usaha serta sokongan dalam mengutamakan kebajikan pelajar UMS.

Naib Canselor UMS Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata, Program Food Bank Siswa UMS merupakan inisiatif yang sangat tepat pada waktunya dan mampu memberi manfaat kepada seluruh pelajar UMS amnya dan pelajar B40 khususnya.

"Selain daripada meringankan beban para pelajar B40, program Food Bank Siswa juga menyasarkan untuk membantu mana-mana pelajar UMS yang kurang berkemampuan.

"Maka, kerjasama seperti ini akan sentiasa diberi keutamaan bagi memastikan UMS dilihat sebagai sebuah institusi pendidikan yang tidak sahaja melahirkan graduan berkualiti, tetapi juga menjadi institusi pendidikan yang peka kepada kebajikan pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Kolaborasi UMS dan 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn Bhd Bagi Food Bank Siswa UMS yang berlangsung di Anjung Siswa UMS.

Taufiq berkata, dengan wujudnya inisiatif seperti itu melalui kerjasama dengan pelbagai pihak akan menjadi titik permulaan bagi membantu para pelajar mendepani peningkatan kos sara hidup serta membantu meringankan beban dan



LANCAR: Taufiq menyempurnakan gimik pelancaran Kolaborasi UMS dan 99 SpeedMart (East Malaysia) Bagi Food Bank Siswa UMS.

menangani isu 'ikat perut' dalam kalangan pelajar.

Beliau turut menegaskan bahawa Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni terutamanya sentiasa bertungkus lumus dalam menjaga kebajikan para pelajar UMS dan memastikan apa jua keperluan dalam usaha itu dapat disempurnakan.

"Pihak UMS sentiasa membuka ruang untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak yang ingin menyumbang kepada usaha yang murni ini agar dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup para pelajar kita, sekali gus melonjakkan lagi semangat mereka untuk sentiasa cemerlang dalam akademik," ujar beliau.

Pada majlis itu, Taufiq bersama Pengurus Besar 99 SpeedMart (East Malaysia) Lim Kok Wei menyampaikan sumbangan keperluan makanan kepada 21 pelajar B40 program Asasi Sains, serta menyampaikan



SUMBANGAN: Taufiq menyampaikan sumbangan keperluan makanan kepada salah seorang pelajar B40 UMS.

kad Food Bank Siswa kepada wakil pelajar.

Hadir sama ialah mantan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Profesor Dr Ismail Ali; Bendahari UMS Zallifah Shadan; Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS Kamisah Husin; wakil Pengarah Pejabat

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah Cynthia Lo Wun Hui; Pengarah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi UMS Prof Madya Ts Dr Sazmal Effendi Arshad; dan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UMS Muhd Jivean Johan Wira.